

Menyusuri sejarah

UTHM



SEJARAH Universiti Tun Hussein Onn Malaysia bermula pada 16 September 1993 dengan penubuhan Pusat Latihan Staf Politeknik (PLSP), yang bertujuan melahirkan dan melatih tenaga pengajar yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam pelbagai bidang kejuruteraan untuk sistem politeknik di negara ini.

Penubuhan ini mencatatkan satu lembaran baru dalam perkembangan pendidikan negara. Pusat ini dikendalikan oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia melalui memorandum persefahaman yang ditandatangani bersama pada 28 Jun 1993.

Sebagai pengiktirafan kepada sebuah institusi teknologi yang cemerlang dalam mengharungi perkembangan pendidikan negara terutama kepayaanan menangani isu pembangunan sumber manusia khasnya dalam bidang teknikal di negara ini membawa kepada pengisytiharan nama baru iaitu Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO) pada 12 April 1996 oleh Menteri Pendidikan pada masa itu, Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak.

Dengan kelebihan dan kejayaan melaksanakan tanggungjawab sebagai penyumbang kepada perkembangan yang bertenterakan sains dan teknologi dan bertindak sebagai nadi penggerak dalam membantu merealisasikan peranan negara serta kepercayaan oleh kerajaan, maka kabinet pada 27 September 2000 bersetuju menaiktaraf ITTHO kepada sebuah Universiti di bawah Akta 30 Akta Universiti dan

Kolej Universiti 1971 (AUKU) dan dikenali dengan nama Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia (KUITTHO). Pengumuman bersejarah ini dibuat Tan Sri Dato' Seri Musa Mohamad, Menteri Pendidikan Malaysia pada 30 September 2000.

Lembaran baru perjalanan menuju puncak kegemilangan institusi ini diselak lagi apabila mesyuarat Kabinet yang diadakan pada 20 September 2006 meluluskan untuk menu-

kar nama KUITTHO yang akan dikenali sebagai Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

1 Februari 2007 adalah tarikh keramat kepada semua warga universiti apabila Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed, membuat pengumuman rasmi mengenai perkara itu. Majlis Perisytiharan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) berlangsung pada 2 Mac 2007 dan dirasmikan oleh Dato' Hishammuddin Tun Hussein Onn.



BERMULA dari sebuah pusat latihan kini bertaraf universiti dikenali Universiti Tun Hussein Onn.